



## BAB

# 6

## KEERATAN HUBUNGAN ANTARA PEMBOLEHUBAH

### 6.0 PENDAHULUAN

Dalam menganalisa data penyelidikan, salah satu yang perlu kita lakukan ialah mengetahui hubungan antara pembolehubah. Hubungan antara pembolehubah ini boleh dikenal pasti menggunakan jadual, diagram, graf dan boleh juga menggunakan formula yang lebih kepada pendekatan kuantitatif. Bab ini menghuraikan Tabulasi Silang (*Cross Tabulation*) dan Diagram Berselerak atau Gambar Rajah Plot (*Scatter Diagram*) yang berguna untuk mengetahui keamatan hubungan antara pembolehubah penyelidikan.

### 6.1 TABULASI SILANG (*CROSS TABULATION*)

Salah satu alat statistik secara visual untuk mengetahui keamatan hubungan antara dua pembolehubah adalah tabulasi silang (*cross tabulation*) yang mana satu pembolehubah diletakkan di lajur dan pembolehubah lain diletakkan di baris. Untuk penggunaannya, katakan terdapat sebuah penyelidikan dengan salah satu tujuannya adalah menentukan hubungan antara pengalaman kerja dengan kepuasan dalam bekerja. Penyelidik ingin mengetahui sama ada semakin lama bekerja, tahap kepuasan bekerja akan semakin tinggi, semakin rendah atau cenderung untuk kekal sama.

Seramai 60 orang pekerja di sebuah syarikat boleh diperolehi dalam bentuk kategori sama ada pengalaman kerja (LAMAN) ataupun kepuasan dalam bekerja (PUAS). Untuk pengalaman kerja terdiri daripada lama (L), sedang (S) dan baru (B), sedangkan untuk kepuasan kerja terdiri daripada kepuasan tinggi (T), sederhana (M) dan rendah (R). Data daripada 60 orang responden tersebut adalah seperti berikut:

Jadual 6.1: Data Pengalaman Kerja (LAMAN) dan Kepuasan dalam Bekerja (PUAS).

NO.	LAMAN	PUAS	NO.	LAMAN	PUAS	NO.	LAMAN	PUAS	NO.	LAMAN	PUAS
1.	L	T	16.	L	T	31.	B	R	46.	L	T
2.	L	T	17.	B	M	32.	S	R	47.	B	T
3.	S	M	18.	L	T	33.	S	M	48.	L	T
4.	S	M	19.	B	R	34.	B	R	49.	L	T
5.	B	M	20.	L	M	35.	B	R	50.	B	T
6.	B	R	21.	S	M	36.	S	R	51.	S	M
7.	B	R	22.	S	M	37.	B	R	52.	S	M
8.	B	M	23.	B	R	38.	L	T	53.	S	M
9.	S	M	24.	B	R	39.	B	T	54.	B	M
10.	S	M	25.	S	M	40.	S	M	55.	B	M
11.	B	M	26.	L	M	41.	S	M	56.	L	M
12.	B	R	27.	L	T	42.	B	M	57.	L	T
13.	S	R	28.	L	T	43.	B	R	58.	B	R
14.	B	R	29.	L	T	44.	S	R	59.	S	M
15.	L	T	30.	L	M	45.	S	M	60.	L	T

Hubungan antara pengalaman kerja dengan kepuasan berdasarkan data di atas dapat dikenal pasti melalui tabulasi silang seperti mana diuraikan sebelumnya iaitu dengan menempatkan pengalaman kerja sebagai baris dan kepuasan dalam bekerja sebagai kolom yang boleh dilakukan secara manual ataupun dengan menggunakan perisian seperti MINITAB. Berikut ini ditunjukkan tabulasi silang dari data di atas.